

# Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam<sup>1</sup>

Dr. Mohd Daud Bakar

*Abstract: In the modern development the role of ulama' is always questioned. In the Islamic perspective, an ulama' plays a dominant and authoritative role to ensure the Muslims of the rightful path of Islam. His role is not only limited to the areas of education as a teacher and a preacher but also covers all areas of life: culture, politics, economy, society as well as judiciary as an advocate, a judge and also in instituting fatwas. A fatwa is an Islamic legal view issued by a recognised mufti though not legally binding but highly regarded.*

Fatwa ialah satu proses yang unik dalam perundangan Islam. Ia selalunya melibatkan dua pihak iaitu pihak yang mengemukakan masalah dan persoalan yang dikenali sebagai *mustafti* dan pihak yang memberikan jawapan dan respon iaitu *mufti*. Permohonan untuk mendapat jawapan daripada mufti dikenali sebagai *istifta* atau *su'al* yang ditujukan kepada mufti.<sup>2</sup> Pihak *mustafti* selalunya terdiri daripada golongan awam dan kadang-kadang *istifta* dilakukan juga oleh pihak hakim di mahkamah untuk mendapat penjelasan hukum syarak dalam persoalan yang dibicarakan.<sup>3</sup> Dalam keadaan tertentu, *istifta* juga diajukan oleh pihak pemerintah kepada pihak mufti.<sup>4</sup>

Dalam perbincangan berhubung dengan teknik fatwa, beberapa isu teknikal telah dikenal pasti. Fatwa, mengikut istilah teknikalnya, mengandungi dua komponen iaitu persoalan (*su'al* atau *istifta*) yang diajukan kepada mufti tertentu yang kemudiannya dijawab oleh mufti tersebut. Proses memberikan fatwa oleh mufti dikenali sebagai

*futya* atau *ifta*.<sup>5</sup> Apabila persoalan itu ditulis di atas sehelai kertas - yang merupakan amalan biasa dalam *istifta* - kertas tersebut dikenali sebagai *ruq'at al-istifta* atau *kitab al-istifta* (catitan masalah). Apabila jawapan diberikan di atas kertas yang sama, dokumen tersebut akan dikenali sebagai *ruq'at al-fatwa*.<sup>6</sup> Fatwa-fatwa yang diberikan oleh mufti-mufti yang terkenal akan dikumpulkan dan akan dicetak dalam bentuk buku-buku. Haji Khalifa telah membuat catitan lebih daripada 160 tajuk kepada himpunan dan koleksi fatwa-fatwa.<sup>7</sup>

Fatwa, dalam erti kata yang lain, adalah refleksi kepada kandungan buku-buku fiqh kerana apa yang ditulis dalam kitab-kitab fiqh (perundangan Islam) adalah merupakan fatwa-fatwa yang diberikan oleh para ulama Islam dan bukannya keputusan yang diputuskan di mahkamah. Kadang-kadang, seorang pengarang itu mencatatkan sesuatu fatwa dan pandangan ulama lain sama ada daripada sekolah perundangan yang sama atau sekolah perundangan yang berbeza di dalam penulisannya dan kemudiannya pengarang tersebut sama ada akan menyokong pandangan tersebut atau sebaliknya. Kitab-kitab fiqh dalam erti kata yang lain, adalah himpunan kepada fatwa-fatwa para ulama tetapi disusun dalam bentuk yang bercampur aduk dengan pandangan dan fatwa ulama yang lain. Sehubungan dengan itu, kitab fiqh berbeza dengan kitab fatwa di mana kitab fatwa seperti *Fatawa al-Subki* atau *Fatawa Ibn Rusyd* dan sebagainya adalah kitab yang eksklusif kepada fatwa yang diberikan oleh al-Subki dan Ibn Rusyd masing-masing. Setiap daripada kedua-dua kitab ini hanya akan membuat catatan kepada fatwa yang diberikan oleh ulama tertentu tanpa membuat catatan kepada fatwa ulama yang lain. penyusunan ini berbeza dengan kitab fiqh seperti kitab *al-Majmu'* karangan Imam al-Nawawi, misalnya, kerana kitab ini yang bersifat fiqh akan membincangkan segala pandangan dan fatwa yang ada dalam sesuatu persoalan yang dibincangkan di mana pengarangnya iaitu Imam al-Nawawi akan membuat pilihan (*tarjih*) kepada pandangan yang difikirkan lebih kuat kerana alasan-alasan tertentu.

Fatwa juga berbeza dengan fiqh kerana fatwa hanya menyatakan satu pandangan sahaja yang menjadi pilihan pihak mufti. Pilihan ini dinamakan sebagai *al-mukhtar alladhi 'alaifi al-fatwa* atau *al-muftha bihi*.<sup>8</sup> Fatwa, dalam erti kata yang lain, tidak begitu kompleks berbanding dengan *matn* fiqh dan ulasan fiqh iaitu *syuruh* yang mengandungi segala pandangan ulamadalam sesebuah mazhab dan juga daripada mazhab yang lain.<sup>9</sup> Di samping itu juga, fatwa, berbeza dengan fiqh dari segi ianya berkaitan dengan kes semasa yang menjadi isu persoalan di zaman fatwa itu dikeluarkan. Sebaliknya pula, fiqh adalah hanya penulisan fiqh yang mungkin merupakan catitan pandangan fiqh yang lama dan ulasan baru (*syarh*) yang diberikan oleh ulama terkemudian hanya dalam konteks huraian dan penjelasan tanpa semestinya membuat rujukan kepada kes baru yang mungkin bertentangan dengan apa yang terdapat dalam penulisan fiqh.<sup>10</sup>

Fatwa seperti yang diterangkan di atas semestinya mempunyai kaitan yang eksklusif dengan isu-isu perundangan (fiqh). Namun begitu, terdapat juga fatwa-fatwa yang diberikan dalam persoalan bukan perundangan seperti dalam isu-isu moral dan sejarah Islam.<sup>11</sup> Pada pandangan penulis, istilah fatwa sepatutnya digu-

nakan hanya untuk isu-isu perundangan sahaja walaupun terdapat kecenderungan di kalangan pengumpul fatwa untuk menamakan kesemua ide dan pandangan seorang ulama itu sebagai fatwa. Contoh yang agak jelas dalam konteks ini ialah *Majmu' Fatawa Syaykh al-Islam Ahmad Ibn Taymiyyah* di mana koleksi ini mengandungi isu-isu perundangan dan juga bukan perundangan seperti akidah, tafsir dan sebagainya.<sup>12</sup>

Dalam pada itu, fatwa juga berbeza dengan *qada'* iaitu keputusan hakim di mahkamah. *Qada'* atau keputusan mahkamah adalah bersifat mengikat pihak-pihak yang terlibat dalam perbicaraan sedangkan fatwa hanyalah pandangan perundangan yang berbentuk memberi nasihat atau syura sekalipun fatwa ini diberikan oleh mufti negara yang dilantik oleh negara. Di samping itu, *qada'* selalunya akan menjelaskan nama pihak-pihak yang terlibat, tarikh berlakunya perbicaraan, fakta-fakta kepada kes dan keputusan hakim bersama dengan alasan dan justifikasi. Fatwa sebaliknya, dalam kebanyakan kes, tidak menyebutkan nama pihak yang terlibat dalam sesuatu permasalahan, tarikh dan tempat berlakunya permasalahan tersebut dan kadang-kadang hanya mengandungi jawapan atau *responsa* tanpa alasan penghujahan daripada mufti.<sup>13</sup>

Namun, beberapa tokoh sarjana barat telah mengemukakan satu hipotesis bahawa fatwa-fatwa dan sekaligus pandangan fiqh yang terdapat dalam ratusan dan ribuan jilid penulisan fiqh Islam adalah pandangan dan fatwa yang diberikan oleh para ulama berdasarkan spekulasi mereka tanpa merujuk kepada kes-kes yang benar-benar berlaku dalam masyarakat Islam di zaman fatwa atau pandangan fiqh itu dikeluarkan. Dalam erti kata yang lain, perundangan Islam adalah satu set perundangan yang bertujuan membentuk satu set perundangan yang ‘sepatutnya’ berlaku dalam masyarakat Islam dan bukan satu set perundangan yang telah berlaku secara amali dalam masyarakat Islam. Profesor Schacht, seorang tokoh orientalis terkemuka berpandangan bahawa apabila terbentuknya sekolah-sekolah perundangan Islam (*madhdhab*), perundangan Islam menjadi ‘*rigid*’ dan tidak berkembang. Antara lain beliau telah menulis:

*“Taken as a whole, Islamic law reflects and fits the social economic conditions of the early ‘Abbasid periods, but has grown more and more out of touch with later developments of state and society”*<sup>14</sup>

Punca kepada fenomena “kebekuan” di atas, menurut Schacht, ialah kerana peranan mufti di mana fatwa seorang mufti dianggap sebagai muktamad dan kemudiannya dimasukkan dalam kitab-kitab fiqh sebagai pandangan yang tidak boleh dirombak dan ditukar. Kesimpulan ini memberi gambaran bahawa fatwa, walaupun mempunyai kedudukan penting dalam perundangan Islam, tidak mempunyai kesan dan sumbangan kepada perkembangan masyarakat Islam kerana fatwa tidak langsung mempunyai kaitan dan hubungan dengan realiti sebenar masyarakat Islam. Kesimpulan ini ditegaskan pula oleh seorang sarjana barat yang lain iaitu N.J. Coulson yang telah menulis bahawa perkembangan perundangan Islam adalah sebagai hasil kepada pendekatan ulama yang bersifat spekulatif dalam pemetikan

hukum syarak. Pendekatan sebegini tidak langsung berkaitan dengan keadaan realiti masyarakat Islam malah mungkin bertentangan dengan realiti sebenar.<sup>16</sup>

Ada juga di kalangan sarjana barat seperti Profesor Max Weber yang merumuskan bahawa fatwa dan juga keputusan hakim di mahkamah Islam adalah tidak berdasarkan skima pemikiran yang rasional, logik dan sistematik. Sehubungan dengan itu, tidak hairanlah kalau perundangan Islam adalah satu set perundangan (iaitu hukum fiqh) yang penuh dengan perbezaan pendapat dan pandangan kerana asas kepada fatwa dan keputusan mahkamah adalah semata-mata berasaskan budi-bicara (*discretion*) para hakim dan mufti dan bukannya dipandu oleh satu skima yang teratur, sistematik dan rasional.<sup>17</sup> Sekiranya kesemua pandangan yang dijelaskan di atas adalah benar dan betul, sudah tentu fatwa tidak dapat berperanan dalam pembangunan masyarakat Islam semasa kerana asas kepada pembangunan masyarakat bertamadun (*civilised society*) ialah prinsip-prinsip perundangan (dan juga kemasyarakatan) yang konsisten yang membawa kepada keadilan dan kesejahteraan. Sehubungan dengan itu, sudah tentu penglibatan para ulama dalam fatwa semasa tidak akan mempunyai sebarang makna kerana penglibatan mereka tidak akan membantu kepada keadilan perundangan dan kesejahteraan kehidupan kerana asas dan prinsip fatwa adalah '*rigid*' dan tidak konsisten.

Sebelum perbincangan dibuat berhubung dengan kepentingan penglibatan para ulama dalam fatwa semasa dan bagaimana mereka boleh terlibat dan melibatkan diri secara aktif dan bersifat 'menyumbang' kepada keadilan dan kesejahteraan hidup masyarakat, perlu diperjelaskan sama ada fatwa dalam sejarah Islam adalah satu pandangan yang '*ideal*' atau ianya merupakan jawapan secara langsung kepada permasalahan yang berlaku dalam masyarakat Islam. Untuk memberiuraian yang jelas, penulis akan membuat kajian secara langsung kepada satu himpunan fatwa yang telah dikumpulkan oleh Ahmad al-Wansyari (m. 1508 masihi) pada kurun 15/16 masihi di Afrika Utara. Koleksi fatwa ini dicetak dengan nama *Kitab al-Mi'yar al-Mu'rib wa al-Jami' al-Mughrib 'an Fatawi Ahl al-Ifriqiya wa al-Andalus wa al-Maghrib*. Koleksi fatwa ini mengandungi lebih kurang 6,000 fatwa yang telah difatwakan oleh para mufti daripada mazhab Maliki yang tinggal di Andalus, Maghribi dan utara Afrika antara kurun 10 dan 16 masihi.

Oleh kerana koleksi fatwa dihasilkan di kurun 15 masihi, di satu waktu yang menyaksikan kekalahan orang Islam di Andalus dan pertembungan dan konflik yang berterusan antara masyarakat Islam dan masyarakat Kristian, sudah tentu fatwa ini akan banyak mengandungi fatwa-fatwa yang ada hubungan dengan keadaan politik pada masa tersebut. Namun, sekiranya kita menerima pandangan Profesor Schacht dan Profesor Coulson, sudah tentu fatwa yang dikumpulkan oleh al-Wansyari ini akan sunyi daripada kes-kes konflik dalam hubungan dua komuniti di kawasan utara Afrika dan khususnya di Andalus. Catatan fatwa dalam koleksi al-Wansyari ini sebenarnya penuh dengan fatwa-fatwa yang ada hubungan dengan keadaan sosio-politik dalam era tersebut yang menunjukkan dengan jelas bahawa fatwa sebenarnya berkembang dengan berkembangnya isu dan permasalahan dalam masyarakat. Fatwa bukanlah khayalan dan pandangan ulama yang '*ideal*' yang diberikan di perpustakaan

atau bilik kajian dan penyelidikan tanpa melihat kepada realiti sebenar dalam masyarakat.

Dalam *Kitab al-Mi'yar*, kes-kes konflik antara Muslim dan Kristian selalunya adalah berkaitan dengan kes-kes seperti jihad, perkahwinan, jual beli dan pembebasan hamba abdi. Mereka yang berkonflik akan mengemukakan bantahan atau permohonan mereka kepada mufti tempatan untuk mendapat penyelesaian. Satu kes yang menarik untuk dikaji ialah satu persoalan (*istifta'*) yang diajukan oleh seorang hakim kepada Mufti Abu Ibrahim di mana *istifta'* ini berlaku pada kurun 10 masih di kota Kordoba di Andalus. Mufti Abu Ibrahim diajukan persoalan berhubung seorang wanita Kristian yang telah dihadapkan di hadapan hakim untuk dibicarakan kerana dituduh telah menukar agama daripada Islam kepada Kristian. Wanita ini menolak dakwaan dan tuduhan jiran-jirannya yang beragama Islam yang beliau telah menukar agama kerana wanita ini mendakwa bahawa agama beliau yang asal ialah Kristian. Sehubungan dengan itu, beliau mendakwa bahawa beliau mempunyai hak di bawah kontrak *dhimmi* (*ahl al-dhimma*) untuk beramal dengan agama asalnya iaitu Kristian. Jiran wanita ini sebaliknya mendakwa (berdasarkan cerita dan pendengaran yang tersebar dalam masyarakat) bahawa ayah kepada wanita ini telah menukar agama daripada Kristian kepada Islam di masa wanita ini masih lagi kanak-kanak. Para jiran wanita ini mendakwa bahawa berdasarkan perundangan Islam (yang difahami oleh mereka), wanita itu sebenarnya mesti mengikut agama ayahnya kerana apabila ayah beliau menukar agama, statusnya sebagai anak *dhimmi* bertukar kepada anak Islam. Wanita itu mendakwa sebaliknya iaitu walaupun benar ayah beliau telah menukar agama, namun beliau masih berpegang kepada agama asal dan selepas kematian ayah beliau, beliau telah dipelihara oleh ibu beliau yang beragama Kristian. Sejak daripada kematian ayah beliau telah dipelihara oleh ibu beliau selama 20 tahun sebelum kes ini di bawa ke mahkamah. Wanita ini juga mendakwa bahawa ayahnya telah menukar agama di tempat lain dan bukannya di tempat di mana ayah beliau tinggal bersama beliau selepas menukar agama dan sebelum kematian.

Berhadapan dengan fakta kes yang dihadapkan ini, Mufti Abu Ibrahim merumuskan beberapa persoalan yang menjadi kunci dalam kes ini. Isu yang pertama ialah sama ada beban pembuktian adalah ditanggung oleh wanita tersebut atau oleh *muhtasib* (pegawai penguasa masyarakat)? Isu yang kedua ialah sama ada syahadah ini masih berautoriti atau sudah lemah dalam satu kes yang sudah berlalu satu tempoh masa yang panjang? Kes ini yang berlaku di satu kawasan yang di'tadbir' oleh mazhab Maliki semestinya dikaji berdasarkan perspektif mazhab tersebut dalam persoalan pertukaran agama kanak-kanak apabila salah seorang ibu atau bapanya memilih agama Islam dan meninggalkan agama asal. Dalam mazhab Maliki, fatwa atau pandangan fiqh yang tercatit ialah:

*"seorang kanak-kanak sama ada lelaki atau perempuan yang belum mengetahui kedudukan agamanya, semasa berumur tujuh tahun atau kurang, akan mengikut pertukaran agama ayahnya kepada Islam. Pertukaran ayahnya kepada Islam mewajibkan kanak-kanak tersebut*

*mengikut agama Islam dan memakai dengan pakaian Islam. Sekiranya kanak-kanak ini berpaling daripada agama Islam selepas mencapai umur dewasa (baligh), dia akan dipaksa supaya kekal dengan Islam atau akan dibunuh sekiranya dia tidak bertaubat. Satu pandangan menyatakan bahawa dalam kes (murtad) kanak-kanak yang tidak dilahirkan dalam keadaan Islam, hukuman bunuh tidak perlu dilakukan. Sekiranya kanak-kanak ini masih kecil - tujuh tahun atau hampir dengan umur tersebut dan ayahnya menukar agama kepada Islam di mana ayahnya tidak membawanya bersama ke dalam agama Islam dan tidak memberi pakaian Islam (kepada anaknya) dan tidak memberikan perhatian kepada anaknya itu sehingga kanak-kanak tersebut menjangkau umur dewasa, kanak-kanak tersebut tidak boleh dipaksa mengikut Islam dan tidak boleh dibunuh”*

Berhadapan dengan fakta kes di atas di mana terdapat keterangan bahawa wanita tersebut tidak dibesarkan mengikut cara hidup Islam khususnya apabila wanita tersebut tinggal bersama ibunya yang bukan sahaja beragama Kristian tetapi telah berkahwin pula dengan suami baru yang beragama Kristian, Mufti Abu Ibrahim menjelaskan pandangannya seperti berikut. Rumusan Mufti Abu Ibrahim dalam kes ini ialah bukti pembuktian ialah tertanggung oleh wanita tersebut untuk membuktikan bahawa beliau tidak dibesarkan dengan cara hidup (pakaian) Islam. *Syahadah jiran* wanita tersebut walaupun berupa *syahadah al-sama'* adalah sah dan diterima dalam perundangan Islam. Dengan mengambil perkiraan semua aspek penghujahan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak (yang bertembung) dan juga faktor tempoh masa yang berlalu selepas kematian ayah wanita tersebut dan sebelum kes ini dihadapkan mahkamah, Mufti Abu Ibrahim berpandangan bahawa fatwa tidak boleh diberikan dalam kes ini kerana adanya unsur *syubhah* (kesamaran) iaitu tempoh masa yang telah lama berlalu sebelum kes ini di bawa ke hadapan mahkamah. Mengikut doktrin *syubhah*, sekiranya wanita itu disabitkan kesalahan sekalipun, hukuman di atas kesalahan itu (iaitu hukuman bunuh kerana murtad) tidak dapat dijalankan kerana terdapat kesamaran yang mencukupi untuk menggugurkan hukuman tersebut.

Fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Abu Ibrahim ini walaupun dalam bentuk tidak memberi satu fatwa yang ‘positif’ kepada kes antara dua pihak yang berkonflik, mencerminkan bahawa fatwa tersebut mempunyai kaitan yang rapat dengan realiti dan juga fatwa tersebut penuh dengan asas penghujahan yang sistematik dan rasional. Sekiranya Mufti Abu Ibrahim memberikan fatwa berdasarkan budi-bicaranya tanpa terikat dengan panduan teori perundangan Islam dan prinsip-prinsip pembuktian dalam perundangan Islam, sudah tentu fatwanya akan berbeza dengan apa yang tercatit dalam koleksi fatwa ini dan mungkin juga akan membawa kepada ketidak-adilan kepada mana-mana pihak.

Penulis cuba membawa satu lagi contoh fatwa daripada koleksi *fatwa al-Wansyarisi* untuk menjelaskan lagi bahawa fatwa dalam perundangan Islam sentiasa berkaitan rapat dengan realiti semasa dan sesuatu fatwa itu dikeluarkan hanya setelah ada

penyelidikan yang mantap dan kukuh. Fatwa yang menjadi perbincangan di sini ialah fatwa-fatwa berhubung dengan penggunaan air dan hal-hal berkaitan seperti penjagaan air, hak milik kepada air dan sebagainya. Sebanyak 60 fatwa telah direkodkan oleh al-Wansyarisi dalam koleksi fatwanya di mana semua fatwa ini merujuk kepada persoalan air. Persoalan air khususnya di kawasan seperti Afrika Utara adalah sungguh penting dan relevan disebabkan kekurangan bekalan air dan penggunaan air yang berbeza-beza dalam masyarakat yang tinggal di sekitar kawasan air sama ada wadi, telaga, sungai ataupun tasik. Penulis akan memilih satu fatwa sahaja untuk melihat bagaimana para mufti, di kurun 15 masihi, sudah pun peka kepada masalah persekitaran khususnya berkaitan dengan pemeliharaan kualiti air dan pembersihan saluran air.

Kes yang dimaksudkan di atas ialah berhubung satu lembah yang bernama Wadi Masmuda berhampiran kota Fez yang mempunyai pelbagai pengguna dan jenis penggunaan air. Terdapat lima jenis pengguna yang menggunakan bekalan air di lembah tersebut iaitu pengguna di rumah (kegunaan biasa seperti air minum, mencuci dan sebagainya), pemilik telaga, mereka yang menyalurkan air najis mereka ke dalam sungai, petani dan ahli tukang yang menggunakan bekalan air ini untuk mendapat keuntungan dalam profesion mereka masing-masing. Persoalan timbul dalam konteks untuk menentukan siapakah yang bertanggungjawab dalam usaha pembersihan sungai tersebut. Persoalan ini timbul kerana dalam prinsip perundangan Islam, air sungai yang mengalir tidak boleh dimiliki oleh mana-mana pihak dan sehubungan dengan itu, timbul persoalan pihak mana yang akan bertanggungjawab dalam pembersihan sungai tersebut. Akhirnya, setelah perbincangan dan penyelidikan dibuat, fatwa telah dikeluarkan di mana hanya pihak yang menggunakan bekalan air dari sungai ini untuk aktiviti-aktiviti yang membawa kepada keuntungan yang diminta untuk melakukan pembersihan sungai tersebut.<sup>18</sup>

Pemerhatian kepada fatwa di atas banyak membantu kita dalam membuat kesimpulan bahawa fatwa tersebut sebenarnya adalah fatwa dalam kes semasa yang menjadi isu perbincangan di kalangan beberapa kategori pengguna air. Ia juga menjelaskan kepada kita bahawa fatwa tersebut sebenarnya berasaskan kepada prinsip perundangan Islam yang konsisten dan tidak berubah di mana prinsip yang mendasari fatwa di atas (pada pandangan penulis kerana fatwa tidak menyebut alasan fatwa tersebut secara jelas) ialah kaedah fekah yang terkenal iaitu *al-ghurm bi al-ghunm* (kerosakan - mudarat - merupakan pulangan kepada keuntungan). Kaedah ini menjelaskan bahawa sesiapa yang memperolehi faedah atau keuntungan dari sesuatu perkara maka dia juga akan menanggung kerrosakan atau mudaratnya.<sup>19</sup> Ini disokong pula oleh satu lagi kaedah fiqh iaitu *al-ni'mah bi qadr al-niqmah wa al-niqmah bi qadr al-ni'mah* (nikmat itu mengikut kadar berat tanggungan - kesusahan - dan berat tanggungan mengikut kadar nikmat).<sup>20</sup> Fatwa yang mewajibkan hanya golongan petani dan tukang (*artisans*) membersihkan saliran air tersebut ialah kerana mereka adalah golongan yang mendapat keuntungan daripada penggunaan air berbanding dengan kategori pengguna-pengguna yang lain. Sehubungan dengan itu, mereka juga adalah pihak yang mestilah menanggung beban pembersihan kerana mereka juga adalah pihak yang mendapat keuntungan daripada penggunaan air.

Setelah kita melihat bahawa fatwa adalah satu proses pemetikan hukum yang bersistematis sebagai jawapan kepada persoalan yang dikemukakan, cabaran timbul dalam menerangkan bagaimana para ulama yang berkelayakan boleh melibatkan diri dalam fatwa semasa supaya masyarakat Islam sentiasa dipandu oleh bimbingan ilmu Islam khususnya dalam konteks perundangan. Fatwa adalah satu instrumen yang penting kerana fatwa tidak semestinya melibatkan kes-kes yang sudah dihadapkan di mahkamah.<sup>21</sup> Fatwa yang ada terhadap sesuatu persoalan sebelum berlaku sesuatu pertikaian antara pelbagai pihak dalam masyarakat khususnya dalam era pembangunan yang cepat boleh mengelakkan sebarang pertikaian di mahkamah dan boleh mengurangkan kos perbicaraan. Isu yang lebih penting ialah fatwa yang konkret dan jelas akan membawa keadilan dan kesejahteraan dalam masyarakat dan seterusnya masyarakat Islam akan menjadi masyarakat yang diberkati oleh Allah yang dilimpahi dengan pelbagai kurniaan yang membina keutuhan negara.

Penulis berpandangan bahawa para ulama boleh dilibatkan dalam pelbagai sektor dan agensi politik, budaya dan ekonomi serta kehakiman sekurang-kurangnya dalam memberi pandangan syarak yang tersusun walaupun tidak dalam bentuk fatwa yang diiktiraf oleh pihak pemerintah. Kes-kes fatwa terdahulu menyerahkan kepada kita bahawa fatwa berlaku dalam semua lapangan kehidupan. Dalam konteks perkembangan semasa di Malaysia, penulis ingin memberikan beberapa pandangan bagaimana para ulama boleh dilibatkan dalam fatwa semasa.

Dalam arus pembangunan yang cepat dan aktif, persoalan perseimbangan alam sekitar dan kesannya kepada sistem kehidupan secara keseluruhan kadang-kadang diabaikan sehingga menyebabkan banyak kemalangan nyawa dan kerugian harta benda berlaku. Persoalan alam sekitar dan persoalan menentukan sesuatu kemalangan itu antara perbuatan manusia atau takdir adalah sebahagian daripada perbincangan perundangan Islam di mana banyak fatwa-fatwa telah dihasilkan berhubung dengan persoalan di atas. Fatwa semasa berhubung dengan cara pembangunan dilakukan mesti ditangani juga oleh para ulama kerana mereka berkelayakan untuk melihat isu pembangunan dan kesannya ke atas perseimbangan alam sekitar menurut perspektif perundangan Islam yang boleh menyelesaikan banyak persoalan.<sup>22</sup>

Sehubungan dengan itu, ulama atau majlis fatwa perlu dilibatkan secara langsung dalam sektor pembangunan negara atau negeri untuk mengawasi bahawa pembangunan tidak semestinya membawa ketidakadilan kepada mana-mana pihak dan juga berperanan menentukan tanggungan dan liabiliti apabila berlaku sesuatu kemalangan. Dalam perbincangan di atas, kita telah memetik satu fatwa daripada *Kitab al-Mi'yar* bahawa ulama atau mufti berperanan dalam menyelesaikan perselisihan dalam kes-kes penggunaan air dan liabiliti penjagaan air yang berkaitan rapat dengan isu alam sekitar.

Para ulama juga semestinya terlibat dalam fatwa semasa berhubung dengan amalan kewangan khususnya apabila Skim Perbankan Tanpa Faedah dilancarkan di Malaysia pada tahun 1993. Amalan institusi-institusi kewangan sekarang yang terlibat dengan kaunter Syariah ialah melantik panel penasihat Syariah yang berkewajipan memberikan pandangan Syariah dalam perjalanan perbankan dan pembiayaan

keewangan supaya selari dengan Syariah. Amalan ini adalah satu kemestian yang diletakkan oleh Bank Negara sebelum sebuah bank konvensional itu menawarkan perkhidmatan perbankan Islam.<sup>23</sup>

Namun, permasalahan akan timbul apabila setiap bank mempunyai panel penasihat Syariah sendiri di mana tidak terdapat keseragaman dalam ‘fatwa’ yang diberikan antara satu bank dengan bank yang lain. Di antara contoh yang jelas ialah persoalan *bay’ al-‘inah* yang dilaksanakan oleh setengah bank untuk tujuan pinjaman peribadi yang mendapat bantahan daripada panel penasihat Syariah bank-bank yang lain. Malah produk *bay’ al-‘inah* ini telah dikritik hebat oleh bank-bank Islam di luar Malaysia. Perkara yang sama juga berlaku kepada persoalan *bay’ al-dayn (sale of debt)* yang merupakan proses diskau surat kredit apabila hutang dijual dengan hutang yang lain dengan perbezaan dari segi nilai tukaran (*diskaun*) disebabkan faktor masa. Cadangan Bank Negara untuk membentuk satu panel penasihat Syari‘ah peringkat kebangsaan adalah satu cadangan yang baik untuk menyelaraskan fatwa-fatwa berhubung dengan persoalan perbankan.<sup>24</sup>

Fatwa semasa berhubung dengan kewangan dan ekonomi perlu juga dilakukan oleh para ulama bukan sekadar untuk menentukan ianya tidak bertentangan dengan Syariah tetapi juga untuk menjaga kemaslahatan dan keadilan dalam masyarakat. Sebagai contohnya, fatwa diperlukan dalam persoalan pengswastaan di mana masyarakat ingin mengetahui sejauhmanakah pengswastaan boleh dilakukan dalam perundangan Islam khususnya apaila melibatkan aset dan hak tertentu seperti air, elektrik dan sebagainya. Begitu juga, antara permasalahan semasa ialah harga rumah yang melambung tinggi. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada berlakunya fenomena ini seperti meningkatnya harga bahan binaan dan sebagainya tetapi kesemua sebab ini sebenarnya berpunca daripada permintaan yang lebih daripada bekalan. Sepatutnya para ulama terlibat dalam perbincangan untuk menghadapi permasalahan ini di mana harga rumah ditetapkan bukan kerana kadar kos pembinaan yang sebenar dan keuntungan pemaju rumah tetapi kerana wujudnya permintaan yang melebihi bekalan. Walaupun perundangan Islam, pada dasarnya, membiarkan kepada aktiviti di pasaran untuk menentukan harga tanpa campurtangan pemerintah, namun perundangan Islam mempunyai prinsip-prinsip dalam mu‘malah yang boleh membantu mengurangkan atau menyelesaikan masalah semasa.

Dalam konteks rumah yang sedang dalam pembinaan, perundangan Islam melihatnya sebagai kontrak *istisna’* di mana pembeli tidak boleh menjualnya kepada pihak ketiga selama mana rumah tersebut tidak siap. Amalan memberarkan pembeli menjual rumah yang sedang dalam pembinaan sedikit sebanyak menyumbang kepada peningkatan harga rumah di pasaran yang akhirnya memudaratkan sebahagian golongan dalam masyarakat. Fatwa dalam isu-isu sebegini sepatutnya menjadi bahan perbincangan ulama semasa paling kurang untuk memberikan pandangan perundangan Islam yang penuh dengan keadilan.

Fatwa juga dikehendaki khususnya dalam permasalahan perubatan semasa yang selalu menjadi isu perbincangan di kalangan masyarakat Islam. Isu-isu seperti pil

untuk wanita menopos, pemindahan organ, pembunuhan rahmat (*euthanasia*), tumpang rahim (*surrogating*), pertukaran alat jantina, pembedahan kosmetik, sperma yang didanakan, tabung susu, pengguguran, pembekuan embrio dan AIDS adalah antara permasalahan semasa yang perlu ditangani oleh fatwa para ulama. Di masyarakat Barat, setiap hospital mempunyai jawatankuasa moral dan etika yang bertanggungjawab untuk memberi pandangan berhubung dengan setengah amalan perubatan yang difikirkan melanggar tatasusila kemanusiaan dan nilai-nilai asas kehidupan.<sup>25</sup> Sebagai contoh, isu sama ada ujian saringan mandatori HIV/AIDS perlu diwajibkan kepada bakal pengantin Islam masih lagi dipertikaikan dan sehingga kini tidak terdapat fatwa yang jelas berhubung dengan isu tersebut. Persoalan perundungan berhubung dengan pembawa HIV/AIDS juga belum mempunyai fatwa di kalangan ulama dari segi kelayakan pembawa HIV/AIDS untuk bekerja, mendapat biasiswa, mendapat perlindungan insuran, mendapat perkhidmatan perubatan yang sepatutnya dan perkara-perkara yang berkaitan dengan hak mereka sebagai seorang rakyat. Begitu juga dari segi tindakan yang perlu dilakukan ke atas mereka sama ada penyisihan daripada masyarakat seperti dalam kes penyakit berjangkit yang lain atau tindakan yang lain. Kesimpulannya, satu badan yang mengandungi pakar perundungan Islam dalam bidang perubatan perlu ditubuhkan di bawah pentadbiran pihak hospital dan pusat-pusat perubatan untuk bertindak sebagai badan penasihat kepada amalan-amalan perbuatan yang berkemungkinan bertentangan dengan prinsip Syariah. Melalui pendekatan sebegini, para ulama sebenarnya akan lebih memahami permasalahan yang timbul dan lebih berkemampuan untuk memberi pandangan Syarak apabila timbul sesuatu permasalahan baru dalam amalan perubatan.

Fatwajuga, dalam perspektif yang lain, boleh berperanan dalam bidang kehakiman. Dalam penulisan fiqh, keputusan seorang hakim di mahkamah adalah berbeza dengan fatwa seorang mufti walaupun mufti tersebut adalah Mufti Negara (*Mufti al-Dar*) yang dilantik oleh pihak pemerintah di mana hanya keputusan mahkamah sahaja yang mengikat (*binding*) pihak yang terlibat dalam perbicaraan sama ada plantif atau defenden. Fatwa tidak sama sekali mengikat pihak *mustafti* atau pihak yang terlibat dalam sesuatu kes yang disebut namanya oleh *mustafti* dalam *istifta'* kerana fatwa hanyalah berbentuk pandangan perundungan yang berbentuk '*advisory*'.

Namun, terdapat juga beberapa amalan dan praktis dalam sejarah kehakiman Islam yang menunjukkan bahawa mufti diletakkan sebagai pegawai pembantu hakim di mahkamah. Amalan ini terkenal di Andalus di mana mufti dilantik sebagai pegawai sepenuh masa dan pegawai tetap yang berperanan sebagai penasihat (*musyawir*) dalam proses *syura*.<sup>26</sup> Ini adalah satu proses kehakiman yang mantap kerana para hakim akan mengambil kira pandangan dan pendapat para mufti dari segi undang-undang substantif, sekiranya ada keperluan. Dalam amalan dan praktis yang lain, seperti yang terdapat dalam fatwa al-Wansyarisi, para hakim akan membuat rujukan yang khusus kepada mufti tertentu untuk mendapat penjelasan berhubung sesuatu kes sekiranya terdapat kemusyilan.<sup>26</sup>

Pandangan para mufti, dalam banyak hal, boleh memberikan penjelasan yang baik sebelum seorang hakim menjatuhkan hukuman. Ini adalah kerana seorang mufti, dari

segi latihannya, adalah seorang yang mendalami bidang perundangan Islam secara meluas.<sup>28</sup>

Penulis juga tertarik dengan satu model yang pernah dilaksanakan dalam sejarah pemerintahan Islam di mana para mufti adalah anggota Majlis Keadilan (*Majlis al-Mazalim*) yang dipengerusi oleh Sultan dan pihak penguasa setiap daerah. Model ini pernah diamalkan oleh kerajaan Mamluk<sup>29</sup> yang memberi ruang kepada para mufti untuk bersama-sama menganggotai majlis keadilan negara untuk melihat dan mengkaji aduan rakyat dan pihak-pihak tertentu dalam negara supaya keadilan dapat ditegakkan. Dalam konteks negara moden hari ini, adalah dicadangkan supaya mufti khususnya Mufti Negara, jika ada, turut terlibat secara langsung dalam proses keadilan dan juga polisi pentadbiran negara kerana seorang mufti, berdasarkan latihannya dalam bidang perundangan Islam, berkemampuan untuk menyumbang kepada keadilan dan kesejahteraan negara.

Perbincangan di atas turut juga menyentuh persoalan jawatan Mufti Negara yang dianggap sebagai seorang mufti yang paling berautoriti dalam sesebuah negara. Dalam sejarah kerajaan Uthmaniah, jawatan ini dikenali sebagai *Syaykh al-Islam*.<sup>30</sup> Perlantikan seorang Mufti Negara memberi gambaran bahawa pejabat Mufti juga merupakan satu pejabat yang mempunyai peranan dalam undang-undang pentadbiran negara. Apabila seorang itu dilantik sebagai Mufti Negeri, iaanya merupakan sebahagian daripada struktur pentadbiran negara. Ini adalah untuk membezakan antara mufti yang terlibat dalam fatwa secara perseorangan dan mufti yang terlibat secara rasmi dan perkhidmatannya kepada rakyat adalah dibayar oleh pihak pemerintah.<sup>31</sup> Jawatan Mufti Negara sebegini masih dikekalkan di beberapa buah negara Islam seperti di Mesir.

Dalam konteks Malaysia, walaupun jawatan Mufti Negara tidak ada, tugas dan peranan fatwa peringkat kebangsaan dijalankan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan yang bertindak sebagai badan induk dan kebangsaan dalam persoalan-persoalan semasa yang timbul dalam masyarakat. Sejauhmana berkesannya Majlis ini dalam menangani isu fatwa semasa adalah persoalan yang tidak akan dibincangkan di sini. Penulis hanya ingin menyarankan supaya bidang pengkhususan diadakan dalam Majlis Fatwa Kebangsaan di mana isu-isu semasa yang timbul dalam masyarakat moden adalah pelbagai. Fatwa kepada sesuatu kes sememangnya memerlukan kepada satu kajian dan penyelidikan yang mendalam kerana ini adalah tabiat fatwa dalam Islam.<sup>32</sup> Fatwa adalah satu kesimpulan yang jitu dan mantap kepada perbezaan pandangan yang berbeza yang ada dalam penulisan fiqh. Di samping itu, fatwa juga semestinya diberikan dengan alasan dan penghujahan yang sempurna seperti mana yang dilakukan oleh pihak hakim di mahkamah supaya fatwa itu dapat diterima dengan penuh keyakinan ataupun, jika perlu, dikaji semula oleh pihak lain sekiranya alasan penghujahan adalah tidak mantap dan meragukan.

Dalam pendekatan yang lain, usaha menubuhkan *Majma' Fiqhi* atau Kumpulan Pakar Perundangan Islam di peringkat kebangsaan yang bersidang dan berseminar secara terbuka dan 'regular' akan menyebabkan lebih ramai ulama terlibat dalam fatwa semasa. *Majma' Fiqhi* ini sudah pun ditubuhkan dan beroperasi di peringkat

antarabangsa antara negara-negara Islam. Namun, perbincangan yang diadakan di *Majma' Fiqhi* ini selalunya bersifat global yang tidak banyak merujuk secara khusus kepada isu-isu setempat yang berlaku di Malaysia. Sehubungan dengan itu, *Majma' Fiqhi* peringkat Malaysia perlu dibentuk dan ditubuh di mana *Majma'* ini pasti akan menghasilkan banyak kajian ilmiah yang mantap sebelum sesuatu fatwa itu diisyiharkan oleh pihak yang berautoriti dalam negara.

Begitu juga, usaha perlu dibuat untuk menyusun fatwa-fatwa yang telah dihasilkan oleh para mufti di Malaysia dalam satu koleksi sepertimana yang telah dilakukan oleh Ahmad al-Wansyari dalam *Kitab al-Mi'yar*. Koleksi fatwa dalam *Kitab al-Mi'yar* adalah himpunan kepada fatwa selama lima kurun dan berbentuk komprehensif yang mengandungi segala bahagian hukum fiqh. Koleksi fatwa-fatwa ini adalah penting untuk melihat asas penghujahan yang sistematik dalam siri fatwa yang diberikan dan juga untuk memahami kaitan antara fatwa dengan keadaan semasa di zaman sesuatu fatwa itu difatwakan.<sup>33</sup> Dalam konteks amalan perbankan Islam, umpamanya, walaupun ianya telah berjalan lebih daripada 10 tahun, namun fatwa-fatwa yang berkaitan dengan produk dan instrumen Islam tidak pernah ditulis dan dibukukan secara jelas untuk menjadi bahan rujukan umum.

#### NOTA HUJUNG

1. Dibentangkan di *Konvokesyen Peranan Ulama dalam Pembangunan Menjelang Abad Ke- 21*, anjuran bersama Institut Minda dan Berita Harian, Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur, 1-2hb. April 1996.
2. Untuk melihat syarat-syarat kelayakan seorang mufti, lihat al-Qasimi, *al-Fatwa fi al-Islam*, disunting oleh Muhammad 'Abd al-Hakim al-Qadi, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1986, hal-hal. 56-62.
3. Lihat al-Khassaf, *Kitab Adab al-Qadi*, disunting oleh Farhat Ziadeh, American University Press, Kaherah, 1978, hal. 105.
4. Urel Heyd, "Some Aspects of the Ottoman Fetva", *Bulletin of School of Oriental and African Studies*, J. 32, 1969.
5. Walsh, "Fatwa", dalam *Encyclopedia of Islam*, New Edition, J. 866. Institusi fatwa dalam Islam hampir menyerupai institusi *ius respondensi* dalam sistem perundangan Roman. (*ibid*).
6. Lihat al-Nawawi, al-Majmu, *Syarh al-Muhadhdhab*, Idarat al-Tiba'ah al-Muniriyyah, Kaherah, 1925, J. 1, hal-hal. 48, 57.
7. Haji Khalifa, *Kasyfal-Zunun 'an Asami al-Kutub wa al-Funun*, Dar al-Fikr, Beirut, 1990, J. 2, hal. 1283.

8. Ibn 'Abidin, *al-'Uqud al-Duriyyah fi Tanqih al-Fatawa al-Hamidiyyah*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, t.t., J. 2, hal. 134.
9. Baber Johansen, "Legal Literature and the Problem of Change: The Case of the Land Rent", dalam *Islam and Public Law*, (editor: Chibli Mallat), Graham and Trotman, London, 1993, hal. 32.
10. *Ibid.*
11. Lihat al-Ramli, *al-Fatawa al-Khairiyya li Naf' al-Bariyya*, Dar al-Ma'rifat, Beirut, 1974, J. 1, hal. 34-35.
12. Lihat Hallaq, "From Fatwas to Furu': Growth and Change in Islamic Substantive Law", dalam *Islamic law and Society*, Leiden, E.J. Brill, 1994, J. 1, hal. 32, nota no. 17.
13. Lihat Uriel Heyd, "Some Aspects of the Ottoman Fetva".
14. Schacht, *Introduction to Islamic Law*, Oxford University Press, Oxford, 1964, hal. 75.
15. *Ibid.*, hal-hal. 74-75.
16. Coulson, "The State and the Individual in Islamic Law", *International and Comparative Law Quarterly*, J. 6, 1957, hal. 57. "... was the result of a speculative attempt by pious scholars, working during the first three centuries of Islam, to define the will of Allah. In self-imposed isolation from practical needs and circumstance they produced a comprehensive system of rules, largely in opposition to existing legal practice, which expressed the religious ideal".
17. Lihat Weber, *Economy and Society*, disunting oleh Gunther Roth and Claud Wittich, New York, 1968, J. 2, hal. 655.
18. Al-Wansyari, *Kitab al-Mi'yar al-Mu'rib wa al-Jami' al-Mughrib 'an Fatawi Ahl Ifriqiya wa al-Andalus wa al-maghrib*, Kementerian Kebudayaan dan Agama, Rabat, 1981-1983, J. 8, hal-hal. 20-27.
19. 'Ali Haidar, *Durar al-Hukkam Syarh Majallah al-ahkam*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, t.t., j. 1, hal. 79. Kaedah ini menjadi artikel 87 dalam *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah*. Lihat *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah* (terj. Md. Akhir Haji Yaacob - *Undang-undang Sivil Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994, hal. 26)
20. *Ibid.*
21. Beberapa sarjana barat seperti David Powers dan Wael Hallaq telah banyak membuat kajian bahawa fatwa sebenarnya begitu penting dalam proses kehakiman dalam sejarah kehakiman Islam. Para hakim, dalam sejarah kehakiman Islam, selalu membuat rujukan kepada para mufti untuk mendapat pandangan perundangan Islam kepada kes yang sedang dibicarakan di mahkamah. Dalam kebanyakan kes, para hakim akan menjatuhkan hukuman selari dengan fatwa yang diberikan oleh mufti yang dirujuk. Lihat David Powers, David Powers, "Kadijustiz or Qadi-Justice? A Paternity Dispute From Fourteenth-Century Morocco", *Islamic Law and Society*, Leiden, E.J. Brill, 1994, J. 1, hal-hal. 332-366; Hallaq, "From Fatwas to Furu'", hal-hal 29-65. Satu kajian perlu dijalankan untuk melihat bagaimana para mufti boleh berperanan dalam membantu pegawai kehakiman dalam konteks perundangan semasa di mana kebanyakan prosedur dan jenis serta kadar hukuman di Mahkamah Syariah, berbeza dengan zaman sebelum ini, sudah ditetapkan oleh akta dan enakmen yang tertentu.
22. Lihat Mohd Daud Bakar, "Malapetaka alam: Antara Perbuatan Manusia dan Takdir", *Majalah Dakwah*, April, 1996.
23. Untuk melihat persoalan *Riqabah Syar'iyyah* dalam amalan perbankan semasa, lihat Zainuddin Jaffar, "Implementation of Shari'ah Principles in Islamic Banking and Finance with special reference to the Role of the Shari'ah Supervisory Council", dibentangkan di *Islamic Banking and Finance Conference*, anjuran Centre for Management Technology Kuala Lumpur, 20-21, Jun 1995.

24. *Bank al-Tamwil al-Kuwayti* di Kuwait, misalnya, mengumpulkan semua fatwa-fatwa berhubung dengan persoalan kewangan dan perbankan dalam koleksi fatwa yang bertajuk *al-Fatawa al-Syar'iyyah fi al-Masa'il al-Iqtisadiyyah*.
25. Lihat Mason and Mc Call Smith, *Law and Medical Ethics*, Butterworths, 1991.
26. *Encyclopaedia of Islam*, (new edition), J. 2, hal. 866.
27. Untuk rujukan lanjut, lihat David Powers, "Kadijustiz or Qadi-Justice?"
28. Hakim Abu al-Fadl 'Iyad, misalnya telah menyifatkan dirinya sebagai murid kepada Mufti Ibn Rushd dalam konteks mendapatkan pandangan fatwa Ibn Rusyd. Di permulaan istifta', Hakim Abu al-Fadl 'Iyad menulis, "semoga Allah melanjutkan usia Syakh, guru yang disanjungi, dan semoga beliau diberi taufik dalam memberi pandangan yang direjadi oleh Allah dan semoga beliau memperolehi balasan syurga. Satu kes telah dihadapkan di hadapan saya (di mahkamah) semoga Allah memberikan tuan kekuatan - di mana saya ingin mendapat pandangan tuan yang bijaksana. (berhubung dengan kes ini) ...". Lihat al-Wansyari, *Kitab al-Mi'yar*, J. 6, hal-hal. 490-492.
29. Emile Tyan, "Judicial Organisation", dalam *Law in the Middle East*, disunting oleh Majid Khadduri dan Herbert J. Liebesny The Middle East Institute, Washington, D.C., 1955, hal. 250; *Encyclopaedia of Islam* (new edition), J. 2, hal 866. (fatwa).
30. Uriel Heyd, "Some Aspects of the Ottoman Fetva".
31. Dalam sejarah Islam, sesiapa sahaja yang mempunyai keilmuan perundangan Islam dan personaliti Islamnya telah diterima oleh masyarakat boleh mengeluarkan fatwa. (al-Wansharsi, *Kitab al-Mi'yar*, J. 8 hal, 236). Namun, fatwa yang diberikan oleh mereka tanpa perlantikan daripada negara adalah disifatkan sebagai fatwa persendirian (*private fatwa*) yang berbeza dengan fatwa oleh seorang mufti yang dilantik oleh negara yang selalunya berpejabat di masjid utama negara. (Emile tyan, "Judicial Organisation", hal. 250) Walau bagaimanapun, fatwa secara persendirian ini sebenarnya paling banyak berlaku dalam masyarakat yang selalunya diberikan secara oral tanpa bertulisan kalau bertulisan sekalipun, ianya tidak ada dalam rekod dan catatan. (David Powers, "Legal Consultation (Futu'a) in Medieval Spain and North Africa", *Islam and Public Law*, disunting oleh Chibli Mallat, Graham and Tortman, London, 1993, hal. 88).
32. Al-Wansyari menjelaskan bahawa terdapat pengkhususan dalam amalan di mana setengah mufti terkenal dengan kepakaran dalam bidang tertentu yang menjadi rujukan utama dalam fatwa-fatwa yang berkaitan dengan bidang kepakaran mufti tersebut. Lihat al-Wansyari, *Kitab al-Mi'yar*, J. 2, hal-hal. 254-259.
34. Ramai sarjana barat telah membuat kajian yang teliti kepada penulisan fatwa dalam sejarah perundangan Islam kerana mereka menyifatkan fatwa sebagai pandangan perundangan yang bersistematis, relevan dengan isu semasa dan yang lebih pentingnya, fatwa membawa kepada perkembangan pemikiran dan khazanah perundangan Islam. Lihat Powers, "Kadijustiz"; idem, "Legal Consultation (Futu'a) in Medieval Spain and North Africa", hal-hal. 85-106; Hallaq, "From Furu' to Fatwas"; Baber Johansen, "Legal Literature"; dan lain-lain.